

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI KESATRIA**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SOSIAL**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI : S29, S32, S38, S40**  
**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c)
    - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
    - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
    - (iii) bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
    - (iv) diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan mempunyai pengetahuan berhubung dengan peraturan-peraturan Angkatan Tentera Malaysia atau Polis Diraja Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).
- dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

	(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
	(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	2. Calon bagi lantikan yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(i) atau (ii) atau (iv) di atas hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesatria adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesatria Gred S29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau</li> <li>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</li> <li>(b) had umur pelantikan: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</li> <li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</li> <li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</li> </ul> </li> </ul>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN</b>	7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memenuhi tempoh percubaan;</li> <li>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan</li> <li>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI</b>	10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S32**

11. Penolong Pegawai Kesatria Gred S29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesatria Gred S32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S38**

12. Penolong Pegawai Kesatria Gred S32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesatria Gred S38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S40**

13. Penolong Pegawai Kesatria Gred S38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesatria Gred S40 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI KESATRIA GRED S41**

14. Penolong Pegawai Kesatria yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kesatria Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesatria yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 35 Tahun 2013).